



**PEMAKLUMAN
PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYEBARAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa prihatin terhadap sebarang risiko ancaman penyebaran jangkitan seperti Novel Coronavirus (2019-nCoV) dalam kalangan warga universiti mahupun rakyat Malaysia secara umum. Pengurusan UMP telah membuat beberapa keputusan sebagai langkah proaktif bagi pencegahan dan pengawalan maksimum memandangkan universiti mempunyai pelajar antarabangsa termasuk dari China.

Warga UMP di kedua-dua kampus diarahkan untuk mematuhi arahan yang telah dan akan ditetapkan dari semasa ke semasa.

1. Buat masa ini, UMP mengarahkan dengan serta-merta penangguhan semua aktiviti dan perjalanan warganya (staf dan pelajar) ke China dan negara-negara yang telah dijangkiti akibat penularan wabak Novel Coronavirus (2019-nCov).
2. UMP akan menyediakan lokasi kediaman bagi pengawasan dalam rumah (*home surveillance*) kepada para pelajar yang akan tiba daripada luar negara dan mereka yang pernah ke negara yang telah dijangkiti dalam tempoh 14 hari sebelum tiba di UMP. Mereka akan melalui saringan kesihatan di lapangan terbang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan akan dibawa terus ke lokasi *home surveillance* sebaik tiba di UMP bagi saringan kesihatan sekali lagi.
3. *Home surveillance* selama 14 hari ini akan dibuat dan sebarang aktiviti pelajar akan dipantau dengan sebaiknya bagi memastikan tiada ancaman dan risiko terhadap warga UMP yang lain.

UMP akan terus memantau perkembangan jangkitan ini melalui maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pusat Kesihatan Universiti (PKU) juga sentiasa berhubung rapat dengan Pejabat Kesihatan Daerah. Warga UMP akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenai wabak ini melalui saluran rasmi yang hanya dikeluarkan melalui pejabat ini. Begitu juga UMP akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Warga UMP dinasihati segera mendapatkan rawatan perubatan di PKU atau pusat rawatan berdekatan sekiranya didapati mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk atau kesukaran untuk bernafas.

**Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
29 Januari 2020**